

Penjawat awam perlu proaktif, berkemahiran

B/H 28/02/2018 M/S 16

[FOTO BERNAMEA]



Rosmah beramah mesra dengan perwakilan yang hadir selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Ke-36 di Putrajaya, semalam.

Putrajaya: Penjawat awam wanita perlu proaktif melengkapkan diri dengan segala ilmu dan kemahiran yang relevan bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata sejajar dengan perkembangan teknologi itu, konsep penyampaian perkhidmatan awam bakal berubah dengan cabaran yang semakin kompleks, justeru menuntut penjawat awam untuk merangka strategi baharu mulai sekarang.

Rosmah yang juga Penaung Pergerakan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA), berkata antara aspek persediaan yang perlu dibekalkan tumpuan adalah peningkatan kemahiran dan kemahiran semula.

“Ini berikutan banyak pekerjaan pada masa akan datang akan diambil alih oleh teknologi automasi, selain memastikan sumber manusia sedia ada kekal relevan dengan kemajuan kerjaya yang lebih terjamin.

“Selain itu, aspek ‘Internet Untuk Segalanya (IoT)’, kemahiran data analitik, keselamatan siber serta kesiapsiagaan pekerja menangani arus perubahan juga perlu diberi perhatian oleh majikan bagi merangka pelan strategi pembangunan modal insan mereka,” katanya

ketika merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Ke-36 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Suruhanjaya Negara Tan Sri Dr Ali Haidar dan Yang Dipertua PUSPANITA Puan Sri Rohani Abdullah.

Main peranan lebih efisien

Rosmah berkata, walaupun berdepan revolusi teknologi industri itu, penjawat awam wanita perlu gentar kerana walaupun hebat mana pun teknologi, peranan manusia tidak boleh dialih oleh mesin.

“Bagaimanapun, sebagai peneraju, saya percaya PUSPANITA mampu memainkan peranan yang lebih efisien dan bertinjang sebagai pencetus perubahan dalam merangka lebih banyak program bagi membantu penjawat awam wanita dan suri supaya lebih bersedia mendepani gelombang peralihan ini,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata dalam Bajet 2018, kerajaan memperkukuhkan lagi sokongan terhadap golongan wanita dengan memperuntukkan pelbagai inisiatif dan pakej kemudahan terutamanya bagi wanita berkerjaya.

“Jika dibandingkan dengan negara membangun lain, pencapaian wanita Malaysia berada pada tahap yang jauh lebih baik dan membanggakan” katanya.